



BERITA

Program Bahasa Antarabangsa Memperkukuh Pemikiran Global Pelajar

Oleh **Muhammad Nazirul B Mohd Noor**

Diterbitkan pada 8 Disember 2025, 18:29

A⁺A⁻A⁰

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram DBPMalaysia**

Muar – Kesedaran terhadap kepentingan penguasaan bahasa asing dalam kalangan generasi muda terus diperkukuh apabila Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Pagoh melalui kerjasama Sekolah Menengah Agama Shamsuddiniah (SMAS) menganjurkan program Jendela Dunia Bahasa Antarabangsa, yang melibatkan lebih 150 pelajar dan sebanyak lapan penceramah.

IKLAN

Program yang berlangsung pada pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari itu memberikan pendedahan kepada pelbagai bahasa antarabangsa seperti Mandarin, Korea, Jepun dan Perancis melalui sesi interaktif, bengkel mini, perkongsian inspirasi serta aktiviti pembelajaran santai.

Menurut Guru Penolong Kanan Kokurikulum SMAS, YBrs. Ustaz Lukman Md. Sawari, inisiatif ini bukan sahaja mengisi ruang akhir kalendar akademik, malah menjadi platform membentuk pemikiran global pelajar berteraskan nilai Islam.

“Pembelajaran bahasa asing membuka pintu kepada ilmu, hubungan antarabangsa dan memberikan pendedahan kepada pelajar untuk meneroka pembelajaran di alam universiti kelak,” jelasnya.

Program ini turut mengintegrasikan kerangka pendidikan antarabangsa dan nasional, antaranya termasuklah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat).

Pada masa yang sama, elemen Maqasid Syariah, iaitu *Hifz al-Aql* (Pemeliharaan Akal) dan *Hifz al-Ummah/Nasl*, diterapkan bagi memastikan

IKLAN

Pelajar turut diberi peluang mempraktikkan perbualan ringkas, permainan bahasa serta kuiz budaya dalam bengkel mini yang dikendalikan penceramah dari pelbagai latar belakang bahasa.

Seorang peserta Tingkatan 4 meluahkan rasa terujanya selepas mencuba beberapa bahasa buat pertama kali.

“Selama ini saya hanya mendengar tentang bahasa Korea dan Mandarin melalui drama atau media, tetapi pada hari ini saya dapat mencuba sendiri. Seronok dan membuka mata,” katanya.

Kejayaan penganjukan pada kali ini, UIAM Pagoh dan SMAS akan terus komited bagi memperkukuh kerjasama pendidikan bahasa antarabangsa ke arah melahirkan modal insan berkemahiran komunikasi global dan beridentiti Muslim yang unggul.

IKLAN

Hak cipta terpelihara © JendelaDBP. Sebarang salinan tanpa kebenaran daripada Pengarah Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan dikenakan tindakan undang-undang.

Buletin JendelaDBP

Inginkan berita dan artikel popular harian terus ke e-mel anda?

E-mel

Langgan

BERITA



DYMM Raja Perlis Berangkat Menyaksikan Pementasan Teater Monolog di JKKM...

9 Disember 2025, 18:35

BERITA



DBP Raih Anugerah Editor Naskhah Terbaik dalam Majlis Anugerah MAPIM...

9 Disember 2025, 16:34

BERITA



Hubungan Strategik antara UMAM dengan Institusi Lain Perlu Diperkukuh-DYTM...

8 Disember 2025, 19:32

BERITA



Pengunjung Program Rancakkan MADANI, Konvensyen Reformasi Perkhidmatan...

7 Disember 2025, 19:35

BERITA



Program Le Soleil Meningkatkan Minat Murid terhadap Bahasa Perancis

7 Disember 2025, 17:55

BERITA



Tembikai Wangi: Usaha Dua Graduan UiTM Bukti Kejayaan Berganda

7 Disember 2025, 17:28

PORTAL MASYARAKAT

Dewan Bahasa
Dewan Sastera
Dewan Masyarakat
Dewan Budaya
Dewan Ekonomi
Dewan Kosmik
Dewan Tamadun Islam
Tunas Cipta

PAUTAN PENTING

Laman Web DBP
PRPM
Klik Web
Akademi DBP
eJurnal DBP
Khidmat Nasihat DBP
Dasar Privasi
Polisi Pemulangan dan Pembayaran Semula

MEDIA SOSIAL DBP

 Facebook
 Instagram
 Twitter
 YouTube
 TikTok
 Telegram

DBPNIAGA

 DBPNIAGA
 Facebook DBPNIAGA
 Instagram DBPNIAGA
 TikTok DBPNIAGA

HUBUNGI KAMI

Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur.

 [Aduan](#)

Statistik Capaian

Tahun 2025: 7,026,672

Bulan Disember: 261,133

Hari ini: 2,702

Hak Cipta 2025 © JendelaDBP